

Jumpa wakil BlackRock 2018 sekadar pertemuan, tiada pelaburan - Tun M

PUTRAJAYA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan pertemuannya dengan wakil syarikat BlackRock sekitar tahun 2018 tidak mencapai apa-apa keputusan perjanjian pelaburan.

Menurutnya, pertemuan bersama pengurus dana syarikat itu

pada awalnya adalah bagi mengetahui apa bentuk pelaburan yang boleh disumbangkan syarikat itu kepada Malaysia.

“Pada masa itu (2018), kami hendak tahu apa yang mereka boleh buat (melabur) tetapi tiada apa-apa keputusan (perjanjian pelaburan) dibuat pada masa

itu,” katanya ketika ditemui selepas program penyerahan waktiah pelantikan peserta Projek 66.6, di sini semalam

Beliau berkata demikian susulan laporan beberapa portal berita yang berkongsi ciapan lama twitter, *@chedetofficial* berhubung pertemuannya de-

ngan wakil BlackRock sekitar tahun 2018.

Difahamkan, pertemuan itu berlangsung di London di mana pada ketika itu, Dr. Mahathir dilantik semula sebagai Perdana Menteri di bawah payung pemerintahan Pakatan Harapan (PH).

Ketika ini, Dr Mahathir adalah antara individu yang lantang mengkritik Kerajaan Madani susulan tindakan kerajaan untuk membenarkan firma yang didakwa mempunyai kaitan dengan Israel itu memiliki pegangan dalam Malaysia Airport Holding Bhd (MAHB).